

# PEMIKIRAN DAN PERJUANGAN DAKWAH HAMKA DAN KESANYA TERHADAP ISLAM DI KAWASAN SERANTAU

Oleh

Drs. H. Abdullah, M.S

Pensyarah Fakulti Dakwah Institut Agama Islam Sumatera Utara Medan,  
Rektor Universiti Tjut Nyak Dhien Medan  
dan Pelajar Ph.D pada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan  
Universiti Sains Malaysia (USM).

## Pendahuluan

Kertas kerja ini akan membincangkan pemikiran dan perjuangan dakwah Hamka. Pemikiran Hamka merangkumi tujuh persoalan penting dalam dakwah iaitu hukum berdakwah, pendakwah (*da'i*), topik dakwah (*maddah al-da'wah*), sasaran dakwah (*mad'u*), kaedah dakwah (*tariqat al-da'wah*), matlamat dakwah (*maqāsid al-da'wah*) dan organisasi dakwah (*muassasah al-da'wah*). Perjuangan dakwah Hamka merangkumi tiga perkara, iaitu koreksi terhadap adat Minangkabau, dakwah melalui media massa, dan melalui Majlis Ulama Indonesia (MUI). Bahagian akhir perbincangan adalah kesan terhadap Kawasan serantau.

## Mengenal HAMKA

HAMKA merupakan nama singkat dari nama penuh Haji Abdul Malik Karim Amrullah, bergelar Datok Idomo. Beliau lahir di desa Tanah Sirah, Kabupaten Maninjau Sumatera Barat, Indonesia. Tarikh kelahirannya 14 Muharram 1326 H / 17 Februari 1908 M, dan meninggal dunia pada 22 Ramadhan 1401 H / 23 Julai 1981 di Jakarta dalam usia 73 tahun 5 bulan. Hamka lahir dari keluarga taat beragama, iaitu dari pasangan suami isteri Syeikh Haji Abdul Karim Amrullah<sup>1</sup> dan Siti Safiyah.<sup>2</sup> Ayah Hamka merupakan ulama tersohor yang berfikir maju dan juga seorang pembaharu di Minangkabau. Hamka tidak pernah menempuh pendidikan formal, kecuali sekolah rendah dan sekolah Diniyah untuk belajar setelah petang. Hamka bersekolah rendah hingga setakat derjah dua sahaja. Sementara salah satu kegemaran beliau adalah mengunjungi perguruan pencak silat, mendengar senandung dan kisah-kisah rakyat yang dinyanyikan dengan alat musik tradisional.<sup>3</sup> Mengunjungi perpustakaan merupakan aktiviti Hamka setiap hari. Beliau semasa lagi kanak-kanak sudah rajin membaca, terutama karya-karya sastera, sama ada yang berbahasa Melayu mahupun berbahasa Arab. Oleh itu, beliau

---

<sup>1</sup> Dikenal dengan sebutan Haji Rasul, lahir pada tarikh 10 Februari 1879 M / 17 Safar 1296 H di Maninjau Sumatera Barat. Pada mulanya ia mendalami ilmu agama Islam di Pariaman, kemudian pada tahun 1894 melanjutkan pelajaran ke Makkah selama tujuh tahun. Kembali dari Makkah ia mengajar di Sungai Batang Maninjau, kemudian beliau kembali lagi ke Makkah. Akan tetapi disebabkan beliau tidak mendapat izin untuk mengajar di Masjid al-Haram, akhirnya pada tahun 1906 M ia kembali ke Indonesia. Lihat, Harun Nasution. (1992). *Ensiklopedi Islam Indonesia*. Jakarta: Jambatan. m.s.16.

<sup>2</sup> Setakat ini tidak ditemui rujukan yang menjelaskan mengenai riwayat hidup ibunda Hamka. Hamka sendiri hanya menyebutkan bahawa kakeknya bernama Gelanggang, gelar Bangindo Nan Batuah. Pada masa muda, ibunya tersohor sebagai guru tari, nyanyian dan pencak silat. Hamka di masa kecil sering mendengar pantun-pantun didendangkan ibunya. Lihat, Nasir Tamara. *Hamka di Mata Hati Ummat*. m.s.51.

<sup>3</sup> Lihat, Rusydi, *Hamka: Kepribadian, Sejarah dan Perjuangannya*. m.s.2.

memperolehi berbagai ilmu pengetahuan melalui belajar sendiri. Melalui bacaan yang luas dan intensif, pengamatan yang tajam, beliau menyerap berbagai pemikiran yang kemudian membentuk keperibadian dan mematangkan pengalamannya.

Pemikiran Hamka secara umum meliputi empat hal, yaitu agama, sastra, politik, dan falsafah atau kebudayaan. Dalam bidang agama pemikiran dan kemampuan Hamka sangat menonjol dalam bidang ilmu tafsir, tasawuf, dakwah dan sejarah Islam. Dalam bidang agama secara tidak langsung Hamka dipengaruhi oleh pemikiran keagamaan Muhammad Abduh (1849-1905 M) dan Ibn Taymiyyah (661-728 H), khususnya dalam hal etika prinsip-prinsip dasar keyakinan beragama. Sedangkan dalam bidang tasawuf, beliau banyak dipengaruhi oleh Abu Hamid al-Ghazali<sup>4</sup> (1058-1111 M). Adapun dalam bidang sastra, Hamka dipengaruhi oleh pemikiran Mustafā Lutfi al-Manfaluti (1876-1924).

Kedalaman pengetahuannya dalam bidang agama Islam menurut Abdurrahman Wahid dapat dilihat dari dua hal. Pertama, dari karya monumentalnya yaitu "Tafsir Al-Azhar". Tentang tafsir "Al-Azhar", Komaruddin Hidayat mengatakan bahwa sampai saat ini belum ada tafsir karya ulama Indonesia yang popularitas dan pengaruhnya melebihi "Tafsir Al-Azhar". Karya ini sebahagiannya ditulis di penjara ketika beliau ditahan oleh pemerintah Orde Lama dengan tuduhan subversif. Kedua, Hamka telah berhasil mendudukkan tasawuf pada tempat yang sebenarnya. Tasawuf menurutnya pernah menjadi perbincangan yang serius di kalangan pembaharu, kerana praktik-praktik kaum tarekat yang salah dan bertentangan dengan ajaran Islam. Masih menurut Abdurrahman Wahid, bahawa Hamka melalui buku Tasawuf Modern telah mampu mengembalikan kedudukan tasawuf sebagai cara mendekati diri kepada Allah s.w.t. dan memisahkannya dari praktik-praktik yang salah.<sup>5</sup> Selanjutnya menurut A. Mukti Ali (1923-2004 M),<sup>6</sup> Hamka adalah seorang ulama Islam yang berjiwa pejuang. Dalam dirinya bersepadu beberapa kepakaran, yaitu: pujangga (sasterawan), wartawan dan pengarang, serta dalam tiap-tiap bidang tersebut telah pula ia berjaya. Satu hal yang menjadi perhatian Mukti Ali peranan Hamka dalam bidang tasawuf sangat mengesankan.

#### 4. Pemikiran Dakwah Hamka

##### (a). Hubung Kait Islam dan Dakwah.

Islam merupakan satu sistem yang menyeluruh dan lengkap merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Di dalamnya mengandungi sejumlah peraturan yang diturunkan oleh Allah s.w.t. ke atas Rasul-Nya Muhammad s.a.w. berkaitan dengan akidah, akhlak, ibadah, muamalat dan segala perkhayaban yang terkandung dalam al-Quran dan Sunnah yang diperintahkan oleh Allah s.w.t. supaya baginda sampaikan kepada umat manusia.

---

<sup>4</sup> Lihat, Nurcholish Madjid (1998). *Dialog Keterbukaan*. Jakarta: Paramadina. m.s.319-320.

<sup>5</sup> Lihat, Nasir Tamara, (1984) *Hamka di Mata Hati Umat*, Jakarta: Sinar Harapan m.s.30-31.

<sup>6</sup> Lahir di Cepu tarikh 23 Agustus 1923, pada masa orde baru menjadi Menteri Agama dengan masa berkhidmat 1971-1978.

Pada pandangan Hamka Islam bererti penyerahan diri secara sungguh-sungguh kepada Allah s.w.t.<sup>7</sup> Kemudian, beliau mengatakan bahawa dakwah merupakan soalan penting dalam Islam kerana berfungsi untuk mengawal tegaknya *al amr bi al-ma'ruf wa an nahy an al-munkar*. Selain itu, aktiviti dakwah dapat menggerakkan semangat beragama masyarakat Islam. Agama Islam akan menjadi hidup di tengah-tengah umat ketika Islam dapat dipahamkan dengan baik oleh masyarakatnya. Pemahaman terhadap agama Islam sebagai kebenaran yang datangnya dari Allah s.w.t. antara lain melalui aktiviti dakwah. Selanjutnya menurut beliau kehidupan Muslim akan bermakna dalam pandangan Allah s.w.t. apabila diisi dengan aktiviti dakwah.

Hamka menyebutkan bahawa dakwah harus menjadi gerakan yang hidup dalam masyarakat Muslim. Aktiviti tersebut harus berlangsung sepanjang masa iaitu sepanjang manusia masih hidup di bumi ini. Beliau juga mengatakan bahawa dakwah harus berlangsung dalam suasana apapun, walau berbagai halangan dan kesulitan yang sedang dihadapi oleh umat Islam, dakwah wajib berjalan.<sup>8</sup> Beliau berhujah dengan berasaskan kepada firman Allah s.w.t. (maksudnya)

Ertinya: Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang); oleh itu, hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaumnya (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah).

(Al-Quran, *al-Tawbah* [9]: 122)

Menurut beliau firman Allah s.w.t. di atas merupakan pembahagian tugas di kalangan orang-orang beriman iaitu tugas berjihad. Sebahagian umat Islam diharuskan berjihad di medan perang dan sebahagian lainnya berjihad dengan menuntun ilmu untuk berdakwah.<sup>9</sup> Al-Quran telah mempertegas bahawa dalam keadaan perang sekalipun perlu ada kelompok yang belajar agama secara sungguh-sungguh. Kemudian mereka diberikan tugas untuk berdakwah, iaitu mendakwahkan kelompok askar ketika mereka kembali dari peperangan. Ini hanya satu contoh yang baik sekali dikemukakan oleh al-Quran. Dalil inilah menurut Hamka bahawa pendakwah itu adalah orang-orang yang harus profesional.<sup>10</sup>

Beliau menggunakan dua istilah yang berhubung kait dengan usaha menyampai, mengajak atau menyeru manusia untuk mengenali Islam, iaitu perkataan *tabligh* dan *dakwah*. Dalam buku-buku beliau dua istilah itu disebutkan secara bergantian. Namun beliau memberi penegasan pula bahawa istilah *dakwah* lebih luas dan am maknanya daripada perkataan *tabligh*.<sup>11</sup> Makna *dakwah* sesungguhnya adalah merangkumi *dakwah* dengan lisan, tulisan dan perbuatan (*bi al-hal*), sedangkan *tabligh* terhad pada menyampai dengan lisan sahaja.

---

<sup>7</sup> Lihat, Hamka (2002). *Hak Asasi Manusia Dalam Islam & Deklarasi PBB*. Shah Alam: Pustaka Dini. m.s.6.

<sup>8</sup> Lihat, Hamka (1984). *Prinsip Dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas. m.s. 30.

<sup>9</sup> Lihat, Hamka (2005). *Tafsir Al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional. Jz. 4, m.s. 3167.

<sup>10</sup> Lihat, Hamka, *Prinsip Dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. m.s. 70.

<sup>11</sup> Lihat, *Ibid*.

Ketika membahaskan hubung kait Islam dengan dakwah, Hamka mengutip al-Quran surah *al-Saba'* ayat 28<sup>12</sup> dan *al-Anbiya'* ayat 107<sup>13</sup>. Berdasarkan firman Allah s.w.t. tersebut beliau menjelaskan bahawa Islam merupakan agama rahmat (*rahmah li al-'alamin*) yang bersifat universal.<sup>14</sup> Sifat keuniversalan Islam menurut beliau, kerana Islam bukan hanya diturunkan untuk bangsa Arab sahaja, melainkan untuk umat manusia secara keseluruhan bahkan untuk seluruh isi alam. Berdasarkan dalil tersebut, Hamka mengatakan bahawa dakwah harus berlangsung sepanjang masa, dari zaman ke zaman dan dari satu generasi ke generasi selanjutnya. Untuk kelangsungan itu, maka aktiviti dakwah harus selalu diperbaharui. Lebih tegas beliau mengatakan:

Kalau sudah jelas agama Islam adalah agama untuk manusia seluruhnya, tidak membezakan bangsa atau warna kulit, suatu agama yang kekal mereka menyeru generasi demi generasi, nescaya jelaslah bahawa Islam memerlukan ahli dakwah yang terampil dan dakwah yang tidak boleh terhenti. Dakwah mesti berjalan terus, dan selalu diperbaharui. Ahli dakwah pun mesti gigih dan mesti selalu memperbaiki diri menghadapi perubahan-perubahan yang ada dalam masyarakat.<sup>15</sup>

Hamka menganjurkan aktiviti dakwah harus menjadi gerakan bersama di kalangan umat Islam. Apabila tidak demikian, maka kemungkaran akan lebih berjaya dari yang makruf. Dalam keadaan yang demikian masyarakat tidak berani mengatakan Islam sebagai sebuah kebenaran yang datangnya dari Allah s.w.t., melainkan mereka berdiam diri. Berdasarkan kepada pengalaman sejarah bahawa Islam tersebar ke seluruh penjuru dunia, yang ikut dikembangkan oleh saudagar Muslim dengan cara damai, bukan secara paksaan dan peperangan.

#### (b). Hukum Berdakwah

Dalam huraian mengenai hukum dakwah, Hamka menjelaskan bahawa pada dasarnya dakwah merupakan sifat *Nubuwwah*, iaitu kewajipan dakwah atas para Nabi. Salah satu sifat Nabi Muhammad tabligh, iaitu menyampaikan ajaran agama kepada umat manusia.<sup>16</sup> Mengenai tugas Rasul, Hamka berkata:

Berdakwah itulah usaha utama dari sekalian Rasul yang diutus Tuhan ke muka bumi ini. Rasul-rasul pendakwah pertama dan utama. Bahkan ada beberapa Rasul Tuhan itu yang menggabungkan antara dua alat dakwah. Pertama menegakkan hujjah dengan lidah. Kedua-dua mempertahankan pendirian dengan kekuasaan dan kekuatan.<sup>17</sup>

Selanjutnya, beliau menjelaskan rasul-rasul yang mencapai martabat memegang kekuasaan untuk melancarkan dakwah ialah Nabi Yusuf a.s. Nabi Musa a.s. Nabi Daud a.s. Nabi Sulaiman a.s. dan Nabi

---

<sup>12</sup> Maksud firman Allah s.w.t: "Dan kami tidak mengutus kamu, melainkan kepada umat manusia seluruhnya sebagai pembawa berita gembira dan sebagai pemberi peringatan, tetapi kebanyakan manusia tiada mengetahuinya".

<sup>13</sup> Maksud firman Allah s.w.t: "Dan tiada Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam".

<sup>14</sup> Tentang wacana ini dibahaskan dengan cukup menarik oleh banyak pakar. Harun Nasution misalnya mengatakan: "Sebagai agama universal, Islam mengandungi ajaran-ajaran dasar yang berlaku untuk semua tempat dan untuk semua masa. Ajaran-ajaran dasar yang bersifat universal, mutlak benar, kekal, tidak berubah dan tidak boleh diubah, itu jumlahnya menurut para ulama hanya lebih kurang 500 ayat atau lebih kurang 14 peratus daripada seluruh ayat al-Quran. Lihat Harun Nasution (1995). *Islam Rasional*. Bandung: Mizan. m.s. 33. Lihat pula, Hamka, (2004). *Pelajaran Agama Islam*, Shah Alam: Pustaka Dini, m.s. 223.

<sup>15</sup> Lihat, Hamka, *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*, m.s. 47.

<sup>16</sup> Lihat, Hamka (1984). *Pelajaran Agama Islam*. Jakarta: Bulan Bintang. m.s. 188-189.

<sup>17</sup> Lihat, Hamka, *Tafsir al-Azhar*. Jz. 3, m.s. 236.

Muhammad s.a.w. Dakwah Nabi Musa a.s. dibantu oleh saudara kandungnya iaitu Nabi Harun a.s. Mereka mampu membangunkan kekuasaan di kalangan Bani Israil. Pada mulanya mereka berjuang membebaskan diri dari penindasan Fir'aun, sampai harus menyeberang laut merah. Kemudian Nabi Daud a.s. dan puteranya Nabi Sulaiman a.s. kedua-duanya menjadi raja besar dari kerajaan Bani Israil. Kemudian, yang paling akhir adalah Nabi Muhammad s.a.w. melancarkan dakwahnya dengan hujjah dan dengan kekuasaan. Pada penggalan Madinah, baginda berkuasa selama sepuluh tahun. Selanjutnya kewajipan berdakwah diteruskan oleh para sahabat dan tabi'in. Para sahabat semuanya adalah pendakwah ulung, demikian juga hal yang sama diteruskan oleh khalifah berikutnya, seperti 'Umar-bin Abd al Aziz.<sup>18</sup> Kemudian kewajipan itu saat ini berada pada pundak setiap kaum muslimin hingga akhir zaman.

Ketika menghuraikan hukum berdakwah, Hamka berasaskan kepada tiga firman Allah s.w.t: (maksudnya)

Ertinya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.

(al-Quran, *al-Nahl* [16] : 125)

Berdasarkan ayat di atas hukum berdakwah menurut Hamka adalah wajib. Kewajipan itu ditujukan kepada semua kaum muslimin secara keseluruhan, sesuai dengan bidang dan kemampuan masing-masing. Akan tetapi kewajipan tersebut menurut beliau terbahagi dua, iaitu *fardu 'ain* dan *fardu kifayah*.<sup>19</sup> *Fardu 'ain* adalah kewajipan berdakwah kepada keluarga sendiri. Ayat al-Quran yang dijadikan sebagai dalil oleh Hamka, firman Allah s.w.t: (maksudnya)

Ertinya: Wahai orang-orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari Neraka yang bahan-bahan bakarannya: Manusia dan batu (berhala); Neraka itu dijaga dan dikawal oleh malaikat-malaikat yang keras kasar (layanannya); mereka tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkanNya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan.

(al-Quran, *al-Tahrim* [66] : 6)

Sedangkan *fardu kifayah* adalah kewajipan berdakwah di saat kemungkaran bermaharajalela. Pada saat itu, harus ada segolongan umat yang tampil untuk mencegahnya dan menjelaskan yang benar. Sehingga jangan sampai kejahatan mengalahkan kebaikan. Apabila dalam keadaan kejahatan bermaharajalela, lalu semua orang diam, tutup mulut, maka semua mereka berdosa.<sup>20</sup>

---

<sup>18</sup> Lihat, Hamka, *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*, m.s. 4.

<sup>19</sup> Lihat, Ibid. m.s. 120.

<sup>20</sup> Lihat, Ibid. m.s. 121

#### 4. Pendakwah (*Da'i*)

*Da'i* iaitu pelaku atau subjek dalam aktiviti dakwah. Kedudukannya adalah merupakan unsur pertama dalam sistem dan proses dakwah. Oleh sebab itu, keberadaan *da'i* sangat menentukan, baik dalam pencapaian matlamat dakwah mahupun dalam menciptakan persepsi sasaran dakwah yang benar terhadap Islam. Siapa sebenarnya yang disebut dengan pendakwah? Berdasarkan analisa terhadap pelbagai rujukan, tampak masih agak kabur dan belum ada batasan yang lebih jelas. Persepsi umum dari masyarakat am, pendakwah adalah sama dengan mubaligh, iaitu orang yang mengajak atau menyampaikan agama Islam kepada jemaah dan lazimnya melalui mimbar. Ada pula yang mengertikan pendakwah adalah orang yang berusaha mengajak manusia dengan perkataan dan perbuatannya kepada Islam, menerapkan manhajnya, meyakini aqidahnya dan melaksanakan syariatnya.<sup>21</sup>

Sebagai subjek dakwah, selain istilah *da'i* (*da'iyyah*) juga dikenali dengan sebutan *muballigh* untuk lelaki dan *muballighah* untuk perempuan. Kedua-dua istilah tersebut ditemukan dalam al-Quran. Untuk istilah pertama antara lain disebut dalam surah *al-Maidah* ayat 67 dan untuk istilah kedua-dua terdapat pada surah *fusilat* ayat 33. *Da'i* bererti orang yang mengajak, sedangkan mubaligh adalah orang yang menyampaikan. Menurut Hamka istilah *da'i* lebih luas maknanya daripada perkataan muballigh.

Pendakwah merupakan unsur pertama dan utama dalam sistem dan proses dakwah. Disebut juga sebagai unsur pertama kerana pendakwah berada pada kedudukan sebagai subjek atau pelaku dakwah. Adapun kedudukan sebagai unsur utama, kerana pendakwah sangat menentukan dalam proses dan pencapaian matlamat dakwah. Kejayaan dakwah sangat ditentukan oleh kompetensi dan profil pendakwah. Berbeza dengan pendidikan bahawa dalam pengurusan dakwah, khususnya dakwah *fardiyah* dan *jami'iyah* yang dilakukan tanpa organisasi, bahawa pendakwah mempunyai tugas berat dan berganda iaitu melakukan perancangan, pelaksanaan dan peperiksaan sekaligus.

Dalam aktiviti dakwah, seorang pendakwah sering tampil dengan peranan tunggal yang mewakili seluruh perangkat yang terdapat dalam bidang pendidikan. Pendakwah dalam berdakwah tanpa tersedia kurikulum, kaedah, literatur dan pentadbiran. Pekerjaan tersebut semuanya menjadi tugas yang harus dirancang sendiri oleh pendakwah.<sup>22</sup> Oleh itu, dalam aktiviti dakwah diperlukan para pendakwah yang memiliki kompetensi iaitu kompetensi substantif dan kompetensi metodologi.<sup>23</sup> Dalam menjelaskan persoalan penyampai dakwah, Hamka menggunakan istilah pendakwah, ahli dakwah, mubaligh dan *da'i*, namun Hamka mengatakan bahawa istilah *da'i* lebih luas maknanya dari kata mubaligh. Kemudian menurut beliau untuk kejayaan dakwah pendakwah harus memiliki syarat-syarat yang khas. Asas pokok dan syarat utama yang harus

---

<sup>21</sup> Lihat, Jumu'at Amin 'Abd al-Aziz (1997). *Fiqh Dakwah*. Solo: Intermedia. m.s. 29.

<sup>22</sup> Lihat, Yusuf Qaradawi (1983). *Kritik dan Saran Untuk Para Da'i*. Jakarta: Media Dakwah. m.s. 4.

<sup>23</sup> Kompetensi *da'i* diertikan dengan pemahaman, pengetahuan, penghayatan dan perilaku serta kemahiran yang harus ada pada *da'i* agar dapat melakukan fungsinya dengan cemerlang. Kompetensi substantif mengutamakan pada penguasaan pelbagai ilmu, khususnya ilmu keislaman. Sedangkan kompetensi metodologi adalah kemahiran *da'i* dalam merancang dan melaksanakan dakwah. Lihat, Abdul Munir Mul Khan, *Ideologi Gerakan Dakwah*, Yogyakarta: Sipsess, m.s. 237.

ada pada diri pendakwah menurut Hamka adalah keyakinan atas kebenaran Islam yang didakwahrkannya.<sup>24</sup> Selanjutnya faham akan sejarah dakwah dan profesional. Adapun syarat berikutnya beliau bersepakat dengan Muhammad Abduh, bahawa pendakwah harus memiliki 11 syarat:

1. Mempunyai pengetahuan yang sempurna tentang sumber asas ajaran Islam iaitu al-Quran dan hadis. Selain itu pengetahuan tentang sejarah Nabi dan Sahabat serta kehidupan ulama salaf.
2. Memahami keadaan umat atau masyarakat yang didakwahkan. Pemahaman tersebut adalah penting sebagai dasar yang dipegang bagi pendakwah untuk membuat perancangan dakwah. Dalam istilah lain hal itu disebut peta dakwah.
3. Memahami sejarah, adat istiadat masyarakat secara umum. Sehingga tidak terjadi halangan dengan kebiasaan dan adat istiadat dalam masyarakat.
4. Memahami tentang ilmu bumi atau geografi. Hal ini dimaksudkan agar pendakwah lebih mudah berdakwah antara daerah dengan negara, kerana wilayah dakwah tidak ada batasnya.
5. Memahami ilmu jiwa, hal ini untuk memudahkan pendekatan kepada individu dan masyarakat.
6. Menguasai ilmu akhlak, dan pendakwah harus berakhlak mulia. Sebab kejayaan dakwah banyak ditentukan oleh akhlak dan keperibadian pendakwah.
7. Menguasai sosiologi kerana kedudukan ilmu tersebut sangat membantu pendakwah dalam memahami struktur dan pola interaksi suatu masyarakat.
8. Memahami ilmu politik kerana pendekatan dakwah harus disesuaikan dengan keadaan politik suatu negara.<sup>25</sup>
9. Menguasai bahasa masyarakat sebagai sasaran dakwah. Hal ini untuk pertama sekali telah diajarkan Nabi Muhammad s.w.t. kepada pendakwah yang diutuskan untuk berdakwah kepada suatu masyarakat.
10. Memahami budaya masyarakat yang menjadi sasaran dakwah.

---

<sup>24</sup> Lihat, Hamka. *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. m.s. 41.

<sup>25</sup> Dalam konteks ini M.Amien Rais mengatakan bahawa politik merupakan bahagian dari dakwah bahkan politik merupakan alat dakwah. Lebih tegas beliau katakan: "Kerana politik adalah alat dakwah, maka aturan permainan yang mesti ditaati juga harus seiring dengan aturan permainan dakwah. Misalnya tidak boleh menggunakan paksaan, atau kekerasan, tidak boleh menyesatkan, tidak boleh menyembunyikan kebenaran dan juga tidak diizinkan menggunakan induksi-induksi psikotropik yang mengelabui masyarakat. Selain itu, keterbukaan, kejujuran, rasa tanggung jawab, serta keberanian menyatakan benar sebagai benar dan yang batil sebagai batil, harus menjadi ciri-ciri politik yang berfungsi sebagai sarana dakwah". Lihat, M.Amien Rais (1991). *Cakrawala Islam*. Bandung: Mizan. m.s. 28.

11. Memahami ilmu perbandingan agama dan perbandingan mazhab. Kedua-dua ilmu tersebut dapat membantu pendakwah dalam menghadapi sasaran dakwah, sama ada kalangan dalaman mahupun luaran.<sup>26</sup>

Hamka selain bersepakat dengan syarat di atas, beliau menambah syarat lainnya iaitu pendakwah harus memiliki kepakaran dalam bidang dakwah dan selalu meningkatkan kualiti diri dalam menghadapi perubahan-perubahan dalam masyarakat. Dengan perkataan lain, pendakwah harus memiliki wawasan yang luas, sama ada wawasan keislaman, wawasan keilmuan, wawasan kebangsaan, mahupun wawasan antarabangsa.

Hamka mengatakan bahawa tujuannya diutusny Nabi Muhammad s.a.w. adalah menjadi rahmat bagi seluruh isi alam, maka pendakwah sebagai penerus risalah Islam haruslah menanam nilai rahmat pada diri sendiri terlebih dahulu. Dakwah akan berjaya jika pendakwah sejak mula telah menanamkan rasa rahmat dalam jiwanya sendiri di dalam menghadapi orang banyak di mana-mana sahaja dan bila-bila sahaja.<sup>27</sup>

Kemudian, Hamka sangat menekankan mengenai akhlak para pendakwah. Sebab akhlak pendakwah sangat menentukan kejayaan dakwah. Menurut beliau akhlak pendakwah merupakan unsur pemikat bagi umat. Selain itu pendakwah harus memiliki sifat ikhlas, tawaduk, tinggi cita-cita, rendah hati, lembut dan pemaaf.<sup>28</sup> Hamka sangat mementingkan juga kesabaran pendakwah kerana dalam aktiviti dakwah banyak percanggahan dan cabaran dakwah. Aktiviti dakwah bukanlah untuk menunjukkan populariti peribadi pendakwah, melainkan berdakwah kerana Allah s.w.t. semata-mata. Pada asasnya akhlak pendakwah harus terlihat dalam kehidupan rumah tangga dan dalam pergaulan dengan tetangga dan masyarakat. Ini menurut Hamka yang dinamakan dengan dakwah *bi al-hal* (perbuatan).

## 5. Topik Dakwah

Topik dakwah haruslah bersumber kepada al-Quran dan Hadith. Menurut Hamka dakwah harus dapat mengembalikan umat Islam kepada al-Quran. Kemudian dalam pengembangannya mencakup semua tamaddun Islam. Ajaran Islam secara komprehensif harus disosialisasikan kepada umat. Dalam kaitan ini Hamka melihat perlu adanya sekala keutamaan dalam penyampaian dakwah. Keutamaan pertama adalah penanaman aqidah yang benar kepada umat. Aqidah Islam itu telah tersimpul dalam Rukun Iman. Tentang perlunya prioriti mesej dakwah, Hamka berkata:

Tetapi satu hal menyebabkan kita tetap optimis, iaitu kerana al Quran tidak berubah, walau satu titik, sebab itu maka dakwah agar umat kembali kepada al Quran adalah dakwah yang amat besar ertinya. Bukan untuk membangkitkan pertengkaran khilafiyah, melainkan untuk menyedarkan kaum Muslimin bahawa mereka bukan bergerak sendirian, melaikan satu gerak menyeluruh yang meliputi segala bidang,

---

<sup>26</sup> Lihat, Hamka, *Tafsir al-Azhar*. Juz.4, m.s. 36-40.

<sup>27</sup> Lihat, Hamka, *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*, m.s. 45

<sup>28</sup> Lihat, *Ibid*, m.s. 229.

ekonomi, sosial, ibadah dan muamalah, politik dan kebudayaan, yang satu coraknya, iaitu corak tauhid: "Tidak ada Tuhan melainkan Allah".<sup>29</sup>

Selanjutnya topik dakwah dapat menjelaskan tentang matlamat diutusnya Nabi Muhammad s.a.w. dan para rasul lainnya. Keseluruhan matlamat itu dapat difahami daripada al-Quran. Dalam kaitan ini, pendakwah harus membawa sasaran dakwah untuk dekat dengan al-Quran. Selanjutnya al-Quran tidak hanya untuk dibaca sahaja, melainkan berfungsi sebagai pengajaran, ilmu, tuntutan hidup, ideologi bernegara, yang lebih mudah daripada kitab fiqh.<sup>30</sup> Tidak hanya itu, topik dakwah harus mampu membawa sasaran dakwah untuk menghargai Hadis. Kemudian diharapkan mereka dapat beramal sesuai dengan Hadis. Mesej dakwah juga harus dapat membina peribadi Muslim yang memiliki identiti yang Islami.

## 6. Sasaran dakwah

Islam sebagai agama universal, maka aktiviti dakwah juga harus dilakukan secara universal. Dakwah Islam tidak hanya ditujukan kepada kalangan dalaman umat Islam, akan tetapi juga kalangan luaran. Hal ini sesuai dengan misi dan tugas Nabi Muhammad s.a.w. untuk keseluruhan umat manusia.<sup>31</sup> Sehalu dengan misi tersebut menurut Hamka bahawa dakwah terhadap dalaman umat untuk mempertingkatkan kualiti iman, ilmu dan amal. Selain itu menjayakan pembangunan tamadun umat, dalam aspek ekonomi, sosial, ibadah, mua'malah, politik dan kebudayaan yang berasaskan pada nilai-nilai tauhid. Untuk dakwah dalaman, Hamka menilai bahawa umat Islam memiliki banyak penyakit. Penyakit itu antara lain seperti:

1. Lemahnya iman dan lemah semangat pengorbanan untuk agama dan takut mati.
2. Mementingkan diri sendiri dan kurang peduli dengan hak-hak orang lain, seperti hak-hak tetangga.
3. Mabuk kekuasaan serta mencari pengaruh untuk berebut kekuasaan
4. Nafsu yang tidak terkawal.<sup>32</sup>

Selain melihat banyaknya kelemahan umat Islam, Hamka menasihatkan kepada pendakwah agar jangan membangkitkan isu khilafiah di tengah-tengah umat Islam. Khilafiah memang sesuatu yang ada sejak semula, akan tetapi jangan membawa kepada perpecahan umat. Kemudian di kalangan umat harus dibangun sikap optimisme dalam mencapai kejayaan Islam. Optimisme tersebut dibangun atas keyakinan bahwa al-Quran memiliki konsep yang sempurna.<sup>33</sup> Dakwah terhadap luaran menurut Hamka mempunyai dua matlamat. Pertama, untuk mengajak mereka kepada Islam. Kedua, dalam upaya menangkis serangan atau tuduhan terhadap agama. Matlamat kedua-dua, saat ini lebih penting, sebab telah terjadi tuduhan-tuduhan yang

---

<sup>29</sup> Lihat, Ibid, m.s. 29.

<sup>30</sup> Lihat, Ibid, m.s. 236.

<sup>31</sup> Al-Quran surah Saba' ayat 28 dengan tegas mengatakan bahawa Nabi Muhammad s.a.w. diutuskan untuk seluruh umat manusia, untuk memberikan berita gembira dan peringatan.

<sup>32</sup> Lihat, Hamka, *Prinsip dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*, m.s. 25 dan 29.

<sup>33</sup> Lihat, Ibid. m.s. 28.

berlebihan, baik terhadap ajaran Islam, terhadap Nabi Muhammad s.a.w. mahupun kepada kaum muslimin. Media-media Barat selalu menggambarkan hal yang negatif terhadap dunia Islam atau kaum Muslimin.

## 7. Kaedah Dakwah

Al-Quran dan Hadis telah memberi bekal kepada pendakwah yang berhubung kait dengan kaedah dakwah. Kaedah dakwah merupakan salah satu soalan penting yang perlu pemahamam yang baik oleh pendakwah, kerana kejayaan dakwah tidak dapat dilepaskan dari kaedah dakwah. Kaedah dakwah dapat digali dari kedua-dua sumber pokok ajaran Islam iaitu al-Quran dan Hadis, serta dapat pula ditemukan dalam sejarah Islam yang telah dipraktikkan oleh mujahid dakwah.

Dalam membahaskan kaedah dakwah, Hamka berasaskan kepada firman Allah s.w.t: (maksudnya)

Ertinya: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.

(Al-Quran, *al-Nahl* [16] : 125)

Ayat diatas mengandungi tiga kaedah dakwah iaitu kaedah *bi al-hikmah*, *mau'idhah al-hasanah* dan *jadilhum bi al-lati hiya ahsan*. Hamka mengatakan bahawa kata hikmah lebih halus dan dalam maknanya daripada filsafat. Apabila filsafat menjadi kajian dan hanya dapat difahami oleh orang yang bernalar tinggi, maka hikmah dapat menarik orang, baik yang awam mahupun cendekiawan. Wujud dari hikmah dalam pandangan Hamka dapat berbentuk ucapan, tindakan mahupun amalan. Bahkan memilih diam pada waktu yang tepat adalah bahagian daripada hikmah.<sup>34</sup> Selanjutnya hikmah atau bijaksana dalam dakwah menurut beliau timbul dari budi pekerti yang halus dan sopan santun. Sebaliknya berdakwah secara kasar tidak akan berhasil.

Adapun *maw'idhah al-hasanah* diertikan sebagai pengajaran yang baik atau pesan-pesan yang baik, yang disampaikan sebagai nasihat. Penerapannya sama ada dalam rumah tangga, iaitu antara orang tua dengan anak dan dalam masyarakat, mahupun di lembaga-lembaga pendidikan formal.<sup>35</sup> Selanjutnya kaedah *mujadalah*, diertikan sebagai bantahan atau pomelik. Jika kaedah ini dilakukan, maka harus dengan cara yang baik, iaitu dengan memahami pokok soalan dan mengenal lawan dialog atau kawan berpolemik. Jika berhadapan dengan mereka yang masih kufur, harus dihadapi dengan sebaik-baiknya, dipimpin ke jalan fikiran yang benar, sehingga dapat menerima dakwah.<sup>36</sup> Hamka menekankan bahawa ketiga-tiga kaedah tersebut perlu diterapkan pada setiap zaman, dan masih tetap relevan untuk zaman moden. Dakwah selalunya berhadapan dengan masyarakat yang berbilang kaum.

---

<sup>34</sup> Lihat, Hamka, *Tafsir al-Azhar*. Juz,14, m.s. 319.

<sup>35</sup> Lihat, *Ibid*.

<sup>36</sup> Lihat, *Ibid*.

## 8. Matlamat Dakwah

Menurut Hamka pengurusan dakwah haruslah dengan perancangan yang baik. Kemudian harus pula dipastikan terlebih dahulu matlamat yang hendak dicapai, sama ada matlamat yang bersifat am mahupun matlamat khas. Berdasarkan matlamat itu, maka diharapkan dakwah dapat berhasil dengan baik. Penetapan matlamat dimaksudkan untuk memberikan arah, landasan dalam mengiring semua unsur dakwah, sehingga secara bersama-sama iaitu pendakwah, sasaran dakwah, mesej, kaedah dan media dakwah diarahkan kepada pencapaian matlamat dakwah yang telah ditentukan semula.

Sesungguhnya matlamat dakwah menurut Hamka sama dengan matlamat diturunkannya agama Islam itu sendiri, iaitu sebagai rahmat bagi seluruh alam (*rahmah li al-'ālamīn*). Fungsi kerahmatan dari ajaran Islam harus disosialisasikan oleh pendakwah agar manusia dapat mengenal Khaliknya, mengikuti petunjuk-Nya, sehingga dapat memperoleh kebahagiaan baik di dunia mahupun di akhirat. Kebahagiaan dunia akan diperoleh manakala manusia dengan sungguh-sungguh dan penuh kesedaran mengamalkan ajaran Islam secara kaffah,<sup>37</sup> di samping mampu memanfaatkan semua potensi yang dimilikinya dan berusaha secara dinamik dan kreatif untuk mengolah sumber daya alam yang telah disediakan oleh Allah s.w.t.

Menurut Hamka matlamat dakwah adalah membawa manusia dari kegelapan kepada cahaya. Hal ini sepertimana dimaksudkan dalam firman Allah s.w.t: (maksudnya)

Ertinya: Alif, Laam, Raa'. Ini ialah Kitab (Al-Quran) Kami turunkan ia kepadamu (wahai Muhammad), supaya engkau mengeluarkan umat manusia seluruhnya dari gelap-gelita kufur kepada cahaya iman dengan izin Tuhan mereka ke jalan Allah Yang Maha Kuasa lagi Maha Terpuji. (Al-Quran, *Ibrāhim* [14] : 1)

Adapun matlamat dakwah secara lebih terperinci dapat dirumuskan mengikut tinjauan tertentu. Sekurang-kurangnya matlamat itu dapat ditinjau dari dua segi, iaitu dari segi sasaran dakwah dan dari segi mesej yang disajikan.

## 9. Organisasi Dakwah

Sejarah dakwah telah memberikan banyak pelajaran kepada umat Islam, dalam pengurusan dakwah untuk masa kini dan masa akan datang. Kejayaan dakwah yang dilakukan oleh pendakwah secara individu (*fardiyah*) telah diakui dalam sejarah Islam. Aktiviti dakwah telah mampu menembus batas suku (etnik), agama, budaya, dan bahkan batas geografi. Hal itu disebabkan dalam diri mereka telah terpatuhi suatu kewajipan agama. Meskipun tugas tersebut dilakukan sambil berdagang, seperti dalam sejarah masuknya Islam ke Indonesia.

Dakwah *fardiyah*, selalu diperlukan dan masih bersesuaian untuk segala zaman atau masa. Namun aktiviti dakwah yang disusun melalui organisasi dakwah yang bekerja secara profesional juga sangat diperlukan. Dalam menafsirkan surah *Ali Imran* ayat 104, khususnya mengenai kata *امة* (*ummah*), Hamka menekankan perlu suatu organisasi yang baik untuk kelancaran dakwah. Beliau menyebutkan beberapa

---

<sup>37</sup> Lihat, M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah*, Jakarta: Lintera, Jz. 1. m.s. 449.

organisasi dakwah seperti Muhammadiyah, Al-Washliyah, Nahdhatul Ulama (NU) dan Dewan Dakwah Islam Indonesia memiliki peranan yang besar dalam pengembangan dakwah di Indonesia. Organisasi dakwah tersebut telah mampu menjangkau masyarakat-masyarakat terpencil di seluruh wilayah Indonesia. Sementara Hamka sendiri merupakan pengasas dan pengerusi organisasi Muhammadiyah, melalui organisasi ini beliau merancang dan melaksanakan aktiviti dakwah.

Tentang perlunya kehadiran organisasi dakwah menurut Hamka adalah sangat penting. Sebab banyak aktiviti dakwah yang mesti dilakukan secara bersama-sama. Beliau memberi contoh aktiviti penyahadatan terhadap mereka yang akan masuk Islam atau saudara baru, haruslah ditangani oleh organisasi dakwah. Pandangan itu, adalah sangat logik, sebab pertukaran agama membawa konsekuensi dalam pelbagai kehidupan lainnya. Oleh itu, organisasi dakwah lebih memungkinkan pembinaan keagamaan secara intensif kepada mereka dan juga membantu kehidupan ekonomi saudara baru.

## Perjuangan Dakwah HAMKA

### 1. Koreksi terhadap adat Minangkabau

Daerah Minangkabau adalah daerah administrasi Republik Indonesia yang dinamakan Propinsi Sumatera Barat.<sup>38</sup> Demikian juga dengan suku bangsa Minangkabau adalah suku bangsa yang berasal dan bertempat tinggal di daerah Sumatera Barat. Suku bangsa Minangkabau dipanggil dengan orang Minangkabau.<sup>39</sup> Mereka menggunakan bahasa Minangkabau iaitu sebuah bahasa yang berhubung kait dengan bahasa Melayu.<sup>40</sup>

Adat Minangkabau termasuk adat yang unik dibandingkan dengan adat suku-suku lain di Indonesia. Keunikan tersebut bahawa garis keturunan diperhitungkan mengikut garis matrilineal iaitu hubungan kekeluargaan atau keturunan menerusi garis keturunan sebelah perempuan atau ibu.<sup>41</sup> Seorang anak dari hasil perkawinan diakui sebagai keluarga ibunya dan bukan keluarga ayahnya. Berkaitan dengan sistem matrilineal maka marga seorang anak mengikut pula marga ibunya. Adapun kedudukan seorang ayah atau suami dalam keluarga Minangkabau termasuk keluarga lain dari keluarga isteri dan anaknya. Seorang suami menurut adat Minangkabau harus tinggal di rumah isterinya. Bila terjadi perceraian maka suami pergi dari rumah isteri tanpa membawa harta benda sementara anak tinggal bersama ibunya. Pihak yang berkuasa dalam sebuah keluarga adalah saudara lelaki dari ibu yang dipanggil *mamak*. Istilah *mamak* bererti saudara lelaki ibu dan seorang anak merupakan kemenakan dari seorang lelaki dari pihak ibunya.<sup>42</sup> Tanggungjawab untuk memperhatikan

---

<sup>38</sup> Propinsi ini berdiri pada 3 Julai 1958 mengikut Undang-Undang No. 61/1958 dengan Ibu Kota Padang. Jumlah penduduk menurut banci tahun 1990 adalah 3.998.677 jiwa dengan rincian 98 peratus beragama Islam. Lihat, Iwan Gayo. (1994). *Buku Pintar*. ttt.tp. m. s. 43.

<sup>39</sup> Suku Minangkabau terdapat beberapa marga iaitu Guci, Tamba, Piliang, Chaniago, Tanjung, Pisang dan Sikumbang. Lihat, Ibid.

<sup>40</sup> Menurut penyelidikan para pakar bahawa bahasa Minangkabau boleh merupakan sebuah bahasa sendiri, tetapi boleh juga dianggap sebagai sebuah dialek sahaja dari bahasa Melayu. Kata-kata dalam bahasa Melayu dapat dicirikan persamaannya dalam bahasa Minangkabau dengan cara merubah bunyi-bunyi tertentu sahaja. Lihat, Koentjaraningrat (2004). *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*. Cet. XXI. Jakarta: Djambatan. m.s. 249.

<sup>41</sup> Dalam masyarakat Minangkabau perempuan sering disimbolkan sebagai *Bundo Kanduang*. Dalam kehidupan adat dan masyarakat Minangkabau *Bundo Kanduang* boleh dikatakan sebagai tokoh sentral dan pusat kehidupan keluarga dalam sistem sosial. Lihat, Noni Sukmawati (2006). *Ratapan Perempuan Minangkabau Dalam Pertunjukan Bagurau*. Padang: Andalas University Pess. m.s. 4.

<sup>42</sup> Istilah *mamak* dalam makna terhad adalah saudara lelaki ibu. Sedangkan secara luas mengacu kepada saudara kandung dan saudara sepupu dari pihak ibu. Lawan dari kata *mamak* adalah *kemanakan*, yang secara sempit bermakna anak-anak dari saudara

kepentingan sebuah keluarga terletak pada pundak seorang atau beberapa orang *mamak*.<sup>43</sup> Hubungan *mamak* dengan kemenakan lebih rapat dibandingkan hubungan seorang anak dengan ayahnya.

Garis keturunan di Minangkabau menganut sistem matrilineal, maka harta pusaka dimiliki dan diwariskan oleh pihak perempuan. Menurut adat harta pusaka terbagi dua yaitu pusaka tinggi dan pusaka rendah. Pusaka tinggi adalah pusaka yang diwariskan secara turun-temurun oleh anak perempuan dan tidak boleh dijual, digadaikan dan pusaka ini hanya boleh dimanfaatkan dan diambil hasilnya untuk dimakan bersama khasnya oleh anak perempuan. Sedangkan pusaka rendah adalah hasil usaha atau perniagaan antara suami dengan isteri sejak mereka berkahwin. Bila selama perkahwinan mereka membeli sesuatu benda, maka harta tersebut atas nama anak-anak perempuan mereka, bukan atas nama suami. Jika suami meninggal dunia, maka harta pusaka rendah menjadi milik isteri dan anak sahaja iaitu anak perempuan. Isteri lebih berkuasa terhadap pusaka rendah, sedangkan pihak keluarga suami – ayah dan bondanya - tidak memperoleh hak atas harta yang ditinggalkan anak mereka.<sup>44</sup>

Beberapa adat Minangkabau yang menjadi sorotan Hamka iaitu:

1. Anak mengikut suku dan marga ibu bukan suku dan marga ayah sebagaimana ketentuan Islam.
2. Tanggung jawab terhadap anak dalam satu keluarga adalah pada *mamak*, bukan pada ayah atau suami.
3. Lelaki yang berkahwin dengan isteri yang berasal dari luar suku Minangkabau, tidak mendapat tempat dalam adat dan dipandang lebih rendah kedudukannya.
4. Harta pusaka diwariskan oleh pihak perempuan sahaja, iaitu oleh isteri dan anak perempuan.
5. Bila terjadi perceraian, suami pergi dari rumah isteri dan tidak boleh membawa harta bendanya sedikit pun, melainkan hanya pakaian yang dipakai.

Hamka sebagai orang ulama yang berasal dari Minangkabau dan pernah hidup di tanah Minang merasa perlu untuk memberi perhatian terhadap adat Minangkabau. Adat Minangkabau sepertimana disebutkan di atas adalah sebahagiannya tidak bersesuaian dengan ajaran Islam. Tidak hanya Hamka tokoh Minangkabau lainnya sebelum beliau sudah lama mengkritiknya seperti Syeikh Ahmad Khatib<sup>45</sup> dan Syeikh Thaher. Berbeza dengan tokoh lainnya, Hamka sebagai seorang pengarang dan pujangga adalah mengkritik dan mengoreksi adat Minangkabau dengan dakwah *bi al-lisan* dan *bi al-kitabah*. Dakwah *bi al-kitabah* dilakukan beliau melalui buku. Sebahagian buku yang dimaksud adalah dalam bentuk roman dan sebuah buku yang bertajuk khusus "Islam dan Adat Minangkabau". Paling tidak ada tiga buah buku Hamka yang sangat keras mengkritik adat Minangkabau. Buku-Buku tersebut dan isi kandungannya sepertimana huraian di berikut ini:

---

perempuan kandung. Sedangkan secara luas bererti anak-anak saudara perempuan dari seorang lelaki. Lihat, Lindawati (2006). *Alam Dalam Persepsi Masyarakat Minangkabau*. Padang: Andalas University Press. m.s.87.

<sup>43</sup> Lihat, Koentjaraningrat, *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*, Jakarta: Djambatan, m.s.256.

<sup>44</sup> Temu bual dengan Tuan Tarmizi pada tarikh 5 Jun 2008 di Medan Sumatera Utara.

<sup>45</sup> Lahir pada tahun 1860 (1276 H) di Kota Gadang, Bukittinggi Sumatera Barat. Sejak usia sebelas tahun beliau telah dibawa ayahnya belajar ke Makkah. Menikah dengan Khadijah iaitu anak seorang pedagang Kurdi. Disebabkan keluasaan ilmunya kemudian ia dilantik menjadi salah seorang imam di Masjid Haram Makkah. Selain menjadi imam beliau juga mengajar di Masjid Haram. Meskipun telah menjadi penduduk Makkah, namun beliau pada masa masih lagi muda belia pernah pulang ke kampungnya. Lihat, Harun Nasution, *Ensiklopedi Islam*, m.s. 87-90.

(a). Islam dan Adat Minangkabau<sup>46</sup>

Buku ini merupakan huraian Hamka mengenai seluk-beluk adat Minangkabau sama ada yang bersesuaian atau yang tidak bersesuaian dengan Islam. Hamka mengajak pembaca khususnya masyarakat Minangkabau untuk memikirkan kearah perubahan adat, menerusi pepatah “*Adat bersendi Syarak dan dan Syarak Bersendi Kitabullah*”.<sup>47</sup> Kritik-kritik Hamka ternyata menggelisahkan dan mendapat perlawanan dari pihak *ninik mamak*. Tentang perlawanan dari *ninik-mamak*, Hamka berkata: “Ketika buku ini<sup>48</sup> tersiar nescaya pihak *ninik-mamak* yang berfaham kolot dengan serta merta menyatakan kemarahannya, malahan ada pula bermaksud hendak menculik penulis kerana dipandang hendak meruntuhkan adat”.<sup>49</sup> Namun kemudian, buku “Islam dan Adat Minangkabau” telah mendorong dilakukannya Kongres Adat Minangkabau di Bukit Tinggi pada bulan Mei 1952. Salah satu keputusan kongres adalah bahawa harta pusaka dibagi dua, iaitu harta pusaka dan harta pencaharian. Harta pencaharian wajib dibagi menurut hukum faraidh, separti mana ditentukan oleh Islam.

(b). Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck<sup>50</sup>

Buku ini merupakan roman, iaitu kisah percintaan antara Zainuddin dan Hayati. Ayah Zainuddin orang Minangkabau, sementara ibunya berasal dari Makassar. Kedua-dua ayah bundanya telah meninggal pada masa Zainuddin masih lagi kecil. Ketika Zainuddin telah menjadi muda belia, ia datang ke Padang untuk mencari saudara dari pihak ayahnya dan sekaligus bermaksud untuk bersekolah, namun saudara ayahnya tidak menghiraukan Zainuddin kerana menurut adat tidak ada tanggung jawab dari pihak keluarga ayah. Ertinya yang berkewajiban mengurus Zainuddin menurut adat adalah saudara ibunya yang berada di Makassar. Sementara Zainuddin dalam adat Minangkabau disebut sebagai anak pisang, orang jauh, orang asing, orang pendatang dan orang Makasar dan bukan orang Minangkabau. Sedangkan Hayati kedua orang tuanya adalah suku Minangkabau, berasal dari keluarga yang terpandang. Hubungan Zainuddin dengan Hayati mendapat celaan masyarakat, kerana dipandang tidak sekufu menurut adat. Meskipun mereka saling mencintai, akhirnya pinangan Zainuddin atas Hayati ditolak oleh pihak keluarga Hayati. Hayati kemudian dikahwinkan dengan Abdul Aziz iaitu seorang anak saudagar kaya. Namun kehidupan rumah tangga mereka tidaklah harmonis, sehingga mereka bercerai.

Dalam roman “Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck” Hamka hendak memberi tahu khasnya kepada muda belia bahawa adat Minangkabau membatasi kehidupan berkeluarga hanya dari kalangan suku sendiri. Padahal Islam memandang manusia adalah sama derajatnya dan boleh berkahwin dengan berbagai-bagai suku

---

<sup>46</sup> Buku ini mula diterbitkan tahun 1946, kemudian diterbitkan semula oleh pelbagai penerbit dan pada tahun 2006 Pustaka Dini Shah Alam Selangor Darul Ehsan. Buku ini terdiri dari enam bahagian iaitu: Adat Minangkabau Menghadapi Revolusi, Adat Minangkabau dan Harta Pusaka, Hubungan Timbal Balik Adat dan Syarak Dalam Kebudayaan Minangkabau, Adat Nan Kawi, Syarak yang Lazim, Syeikh Ahmad Khatib dan Syeikh Thaher Jalaluddin serta uhammadiyah di Minangkabau.

<sup>47</sup> Ungkapan “*Adat Bersendi Syarak, Syarak Bersendi Kitabullah*” secara harfiah dapat diertikan bahawa adat Minangkabau berdasarkan agama Islam dan Kitabullah (al-Quran).

<sup>48</sup> Buku tersebut adalah *Islam dan adat Minangkabau*, yang diterbitkan pertama sekali pada tahun 1946.

<sup>49</sup> Lihat, Hamka (2006). *Islam dan adat Minangkabau*. Shah Alam: Pustaka Dini. m.s. 5.

<sup>50</sup> Buku ini bermula dari karangan bersiri yang ditulis pada Majalah Pedoman Masyarakat antara tahun 1936-1942 yang terbit di Medan.

bangsa, asalkan beragama Islam. Islam tidak melihat keutamaan manusia pada suku dan bangsa melainkan pada iman, ilmu dan taqwa kepada Allah s.w.t.<sup>51</sup>

(c). Buku “Merantau ke Deli”

Buku ini bertutur tentang seorang lelaki Minangkabau iaitu Leman yang merantau ke Deli. Pesan penting dari buku tersebut adalah kritikan Hamka terhadap adat Minangkabau bahawa berkahwin dengan suku lain belum mendapat pengakuan berdasarkan adat. Hamka mengangkat tokoh Leman sebagai seorang lelaki Minang yang merantau ke Medan atau ke tanah Deli. Ia menikah dengan seorang perempuan suku Jawa iaitu Poniem. Meskipun mereka telah hidup bahagia sebagai saudagar di Kota Medan, namun Leman selalu diperingatkan oleh keluarganya agar mahu menikah lagi dengan seorang gadis dari kampungnya sendiri. Kerana menurut adat, belumlah ia dipandang beristeri kalau bukan dari persukuan sendiri iaitu dari Minangkabau.

Disebabkan desakan dari pihak keluarga dan orang-orang kampungnya, akhirnya Leman menikah lagi dengan Mariatun, gadis desanya. Namun sejak berpoligami, perniagaannya tidak berjalan dengan baik. Pada mulanya kedua isterinya tinggal pada rumah yang berbeza, namun kemudian dikumpulkan menjadi satu rumah. Namun sejak masa itulah terjadilah percecokan dan pergaduhan antara Leman dengan Poniem dan antara Poniem dengan Mariatun. Disebabkan kehidupan rumah tangga yang tidak lagi selesa, akhirnya Leman menceraikan isteri pertama, iaitu Poniem. Meskipun Leman hanya tinggal bersama isteri muda, namun perniagaannya tidak seperti semula jadi dan akhirnya ia bangkut dan menjadi orang yang miskin.

Hamka dalam dalam buku “Merantau ke Deli” menceritakan bahawa pengaruh adat telah merosak kebahagiaan rumah tangga Leman dengan Poniem, yang semula jadi sebagai suami isteri yang hidup bahagia. Pesan penting Hamka dalam konteks adat Minangkabau adalah bahawa adat memandang rendah wanita yang dinikahi oleh laki-laki Minangkabau yang berasal dari suku lain. Wanita suku lain –sebagai isteri- tidak mendapat tempat dalam adat minangkabau yang matrilineal.

(d). Perubahan Adat Minangkabau

Hal yang terlihat adanya perubahan dalam adat Minangkabau antara lain adalah hubungan antara *mamak* dengan *kemenakan*. Menurut adat hubungan antara *mamak* dan *kemenakan* adalah hubungan yang saling mengikat. *Mamak* menurut adat berkewajiban untuk mendidik *kemenakan* menjadi manusia yang berjaya dan *kemenakan* dituntut untuk mematuhi segala nasihat dan arahan dari *mamak*. Namun kini hubungan dan keterikatan antara *mamak* dengan *kemenakan* mulai melonggar, sedangkan hubungan antara ayah dengan anak semakin menguat. Selain itu, terjadi pula perubahan pola kehidupan keluarga, iaitu perubahan dari keluarga luas menjadi keluarga inti atau keluarga batih.

---

<sup>51</sup> Lihat, al-Qur'an surah *al-Mujadilah* ayat 11.

## 2. Penggunaan Media Massa

Penggunaan media massa sebagai media dakwah adalah suatu keniscayaan. Dakwah sememangnya harus ada di mana-mana iaitu dalam pelbagai media atau multi media. Hamka masih lagi muda belia telah memilih media massa untuk keperluan menyampaikan pesan-pesan agama. Sepanjang perjuangannya Hamka untuk menyebarkan dakwah Islam melalui buku, majalah, televisyen dan radio serta pita rekaman.

### (1). Melalui Majalah

Majalah sebagai media dakwah telah menjadi pilihan lebih awal dalam aktiviti dakwah Hamka. Beliau tidak hanya menjadi penulis atau pengarang dalam majalah melainkan ikut menerbitkan majalah dan menjadi pentadbir beberapa majalah. Perjuangan dakwah Hamka melalui majalah dapatlah diuraikan seperti berikut ini:

#### (a). Majalah Pedoman Masyarakat

Majalah Pedoman Masyarakat di bawah pentadbiran Hamka memiliki misi dakwah. Pertama, aktif menggelorakan kesedaran perlunya kebangkitan dan kejayaan Islam peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Misi ini disokong oleh tokoh-tokoh pergerakan Islam seperti Haji Agus Salim, K. H. Mas Mansyur dan Abi Kusno dan Cokrosuyoso. Kedua, aktif memperjuangkan politik umat Islam melalui Majlis Islam A'la Indonesia (M.I.A.I). Organisasi tersebut kemudian menjadi Majelis Syura Muslimin Indonesia (Masyumi). Ketiga, memberi sokongan untuk menjayakan Islam dalam bidang tamaddun, seni dan ilmu pengetahuan yang berteraskan Islam. Dalam upaya mewujudkan misi tersebut, maka Hamka membuka beberapa rubrik. Pertama, rubrik "Tuntunan Jiwa". Kedua, rubrik "Penuntun Budi". Ketiga, Rubrik "Sahajak". Keempat, rubrik "Cermin Hidup". Kelima, rubrik "Halaman Tarikh". Keenam, rubrik "Petikan Sejarah". Ketujuh, rubrik "Tasauf Moden". Dalam rubrik "Tasauf Moden" Hamka menulis secara bersiri tentang tasauf dan kemudian beliau susun menjadi sebuah buku iaitu Tasauf Moden.

#### (b). Majalah Panji Masyarakat

Panji Masyarakat atau yang lebih popular dengan nama Panjimas, majalah ini terbit di Jakarta pada 15 June 1959 yang diprakarsai oleh K.H. Mohammad Fakhri Usman sebagai Pimpinan Umum, Hamka dan Yusuf Abdullah Puar sebagai Pemimpin redaksi dan M. Yoesoef Ahmad sebagai Pemimpin Usaha. Misi majalah ini adalah untuk "Penyebaran Tamadun dan Ilmu selaras dengan perjuangan reformasi dan modernisasi Islam".<sup>52</sup> Pada awal terbit majalah Panji Masyarakat memperkenalkan tokoh-tokoh Islam antarabangsa dan pikiran-pikiran mereka, seperti Muhammad Abduh, Jamaluddin al-Afghani, Muhammad Iqbal. Selain itu juga menampilkan tulisan tokoh dan ulama peringkat kebangsaan seperti K.H. Hasyim Asyari, iaitu pendiri Nahdhatul Ulama (NU), Dr. Mukti Ali, Dr. Paryana Suryadipura, Dr. Ahmad Ramli, Prof. Dr. Bahder Djohan, Dr. Mohammad Hatta, K. H. Abdullah bin Nuh, Bahrum Rangkuti dan Muhammad Roem.<sup>53</sup> Hamka menghendaki agar tokoh-tokoh Islam peringkat kebangsaan dan antarabangsa bersatu dalam upaya menjayakan Islam. Meskipun di Indonesia terdapat organisasi yang beraliran "Kaum Muda" seperti Muhammadiyah dan Persis serta yang beraliran "Kaum Tua" seperti Nahdhatul Ulama (NU). Pimpinan Umum dan Pimpinan Redaksi mencoba merangkul dan berkongsi

<sup>52</sup> Lihat, Rusydi Hamka, *Islam dan Era Informasi*, Jakarta: Pustaka Panjimas, m.s. 264.

<sup>53</sup> Lihat, *Ibid.* m.s. 266.

dengan semua tokoh dan organisasi keagamaan di Indonesia dalam tulisan yang bertajuk “Kenal-Mengenal dan “Kita Hanya Satu”.<sup>54</sup>

### 3. Melalui Majelis Ulama Indonesia (MUI)

Majlis Ulama Indonesia (MUI) merupakan organisasi keulamaan di Indonesia yang bersifat independen. Organisasi ini tidak berafiliasi kepada salah satu aliran politik, mazhab atau aliran keagamaan Islam yang ada di Indonesia. MUI ditubuhkan pada tarikh 26 Julai 1975 bersamaan dengan 17 Rajab 1395 H dalam Musyawarat Nasional Ulama di Jakarta. Tujuan ditubuhkan MUI adalah untuk ikut berperanan aktif dalam mewujudkan masyarakat yang aman, damai, adil dan makmur yang diridhai oleh Allah s.a.w. Adapun fungsi MUI adalah memberikan fatwa dan nasihat keagamaan dalam masalah sosial kemasyarakatan kepada pemerintah dan umat Islam Indonesia pada amnya. Selain itu juga berfungsi untuk memperkuat ukhwh Islamiyah dan melaksanakan kerukunan antar umat beragama dalam mewujudkan persatuan dan kesatuan Indonesia. Fungsi lainnya adalah sebagai penghubung antara ulama dan umara, antara pemerintah dan umat Islam Indonesia untuk mensukseskan pembangunan.

Dalam pengabdianya Majelis Ulama Indonesia telah dirumuskan lima fungsi iaitu:

1. Sebagai pewaris tugas-tugas para Nabi (*Warasaṭ al-anbiya*)
2. Sebagai pemberi fatwa (*mufti*)
3. Sebagai pembimbing dan pelayan umat (*Ri'ayaṭ wa khadim al ummah*)
4. Sebagai gerakan *Islaṭ wa al-Tajdid*
5. Sebagai penegak *amar ma'ruf nahi munkar*

MUI memiliki ibu pejabat di Jakarta dan memiliki cawangan pada peringkat provinsi dan kabupaten/bandar di seluruh Indonesia. Hamka merupakan salah seorang pengasas dan sekaligus ketua pengurus awal MUI, iaitu sejak 26 Julai 1976-1981.<sup>55</sup> Pada masa kepemimpinannya telah dikeluarkan fatwa tentang Krismas bersama. Fatwa ini dikeluarkan berhubung kait dengan fenomena umat Islam ikut merayakan Krismas dengan pengikut Kristian. Oleh itu, Hamka pada masa itu merasa perlu mengeluarkan fatwa sebagai berikut:

1. Perayaan Krismas di Indonesia meskipun tujuannya merayakan dan menghormati Nabi Isa a.s., akan tetapi hal itu tidak dapat dipisahkan dari ibadah bagi agama Kristian.
2. Umat Islam terbabit dalam acara Krismas bersama hukumnya adalah haram.

---

<sup>54</sup> Lihat, Ibid, .

<sup>55</sup> Majelis Ulama Indonesia telah mengadakan beberapa kali kongres atau musyawaran nasional, dan telah pula beberapa kali pergantian Ketua Umum, dimulai dengan Prof. Dr. Hamka, KH. Syukri Ghozali, KH. Hasan Basri, Prof. KH. Ali Yafie dan kini K.H. M. Sahal Mahfudh. Ketua Umum MUI yang pertama, kedua dan ketiga telah meninggal dunia, sedangkan dua yang terakhir masih terus berkhidmah untuk memimpin majlis para ulama ini.

3. Agar umat Islam tidak terjerumus kepada syubhat dan larangan Allah s.w.t. dinasihatkan untuk tidak mengikuti kegiatan-kegiatan Krismas.<sup>56</sup>

Meskipun fatwa tersebut bertujuan untuk melindungi umat Islam dari mencampuradukkan aktiviti keagamaan, namun mendapat tindak balas dari berbagai pihak, terutama dari pihak kerajaan. Pihak pemerintah tidak memberi sokongan atas lahirnya fatwa tersebut, kerana menurut pihak pemerintah dapat mengganggu hubungan antara Islam dengan Kristian. Oleh itu, pihak kerajaan mengutus delegasi untuk membujuk Hamka agar fatwa tersebut dibatalkan. Dalam menghadapi cabaran ini, Hamka berada pada posisi yang delematis.

Terhadap kes di atas, Hamka tidak tunduk kepada keinginan pemerintah. Beliau bersikukuh bahawa fatwa tersebut sudah benar. Beliau berkata "Kebenaran harus tegak, walaupun langit runtuh". Oleh itu, disebabkan tidak bersesuaian dengan keinginan pemerintah, Hamka akhirnya meletakkan jawatan sebagai Ketua Umum MUI pada tahun 1981. Sikap Hamka tersebut terdapat banyak komentar dan analisis. Sebahagian menilai bahawa Hamka ulama yang memiliki prinsip beragama yang kokoh, tidak mudah dipengaruhi oleh mana-mana pihak, walau pihak kerajaan sekalipun. Manakala setengah orang menilai, sikap Hamka dalam hubungan dengan perbezaan agama adalah bersifat kaku. Syafi'i Ma'arif misalnya memberi berkomentar bahawa Hamka mengabaikan tentang kemajemukan dan tidak tasamuh berhubung kait dengan fatwa MUI yang melarang umat Islam ikut merayakan Krismas bersama.<sup>57</sup>

### Kesan Terhadap Islam Di Kawasan Serantau

Hamka tidak hanya dikenal sebagai ulama atau tokoh pada peringkat kebangsaan di Indonesia, tetapi dikenal pula sebagai tokoh antarabangsa, terutama di kawasan serantau. Sebagai bukti ketokohnya, ia pernah menerima gelar Doktor Kehormatan dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) tahun 1974, kerana pemikiran dan jasa-jasanya dalam bidang ilmu pengetahuan.<sup>58</sup> Di dalam ucapan sempena majlis konvokesyen tersebut Canselor UKM pada waktu itu Y.A.B. Tun Abdul Razak menyebut: "*Hamka bukan milik rakyat Indonesia sahaja, tetapi beliau adalah juga tokoh kebanggaan bangsa-bangsa di Asia Tenggara.*"

Hamka dalam kedudukannya sebagai tokoh Muslim, telah disejajarkan pula dengan tokoh-tokoh besar dunia. Nurholish Madjid (1939-2006), menempatkan Hamka dalam bidang intelektual dan pemikiran sejajar dengan tokoh-tokoh kebangsaan lainnya seperti Hamzah Fansuri, Nurrudin ar-Raniri (w. 1658 M), Syeikh Nawawi Bantani (1230 H/1815 M). Selanjutnya, Nurholish Madjid mengatakan bahawa Hamka adalah pemikir Islam modernis yang paling berjaya di Indonesia. Sementara Syafi'i Ma'arif menyebutkan bahawa Hamka sebagai kelompok modenis dan neo-modenis, yang sejajar dengan pemikir dan tokoh antarabangsa seperti:

<sup>56</sup> Departemen Agama RI (2003). *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia*. Jakarta: Bagian Proyek Sarana dan Prasarana produk Halal Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji. m.s. 235-242.

<sup>57</sup> Buya Hamka Novelis-Ulama Yang Melegenda, Dalam Majalah Gatra No.21. Tahun XIV, 3-9 April 2008.

<sup>58</sup> Lihat, Harun Nasution, et-al. (1992). *Ensiklopedi Islam Indonesia*. Jakarta : Jambatan. m.s. 294.

Jamaluddin al-Afghani (1838-1896 M), Muhammad 'Abduh (1849-1905 M), Ahmad Khan (1817-1898 M), Muhammad Iqbal (1877-1938 M), Agus Salim, M. Natsir (1908-1993 M), Fazl ar-Rahmān (1929-1982 M) dan Ali Syari'ati (1933-1977 M).<sup>59</sup> Kualiti pemikiran Hamka disejajarkan oleh Syafi'i Ma'arif dengan tokoh-tokoh antarabangsa. Untuk mengetahui berapa besar kesan pemikiran dan perjuangan dakwah Hamka terhadap kawasan Serantau. Untuk menjawab hal itu diperlukan penyelidikan khas.

Pemikiran Hamka justeru dapat dikesankan hingga setakat ini di Malaysia. Hal itu, terbukti dengan ramai penyelidikan terhadap atas karya beliau dari tinjauan berbagai aspeknya. Pada peringkat Doktor Falsafah misalnya penyediaan Mustafa H. Daud dengan tajuk: *Sastera Dakwah Suatu Analisis Kritis Terhadap Karya Kreatif Hamka*. Kajian lainnya oleh Yusril Yazid bertajuk: "Dakwah dan Paham Adat Matrilineal di Minangkabau Perspektif Hamka: Kajian Terhadap Roman-roman Karya Hamka". Kedua-dua penyelidikan tersebut adalah di Universiti Sains Malaysia. Sementara Prof. Dr. Fadhlullah b. Jamil mengatakan bahawa sangat besar sumbangan pemikiran Hamka terhadap dakwah dan kemajuan Islam di Malaysia.<sup>60</sup> Pemikiran Hamka dapat dikenali dari buku-buku Hamka telah diterbitkan oleh penerbitan di tiga negara iaitu: Indonesia, Malaysia dan Singapura. Di Indonesia terdapat beberapa penerbit seperti: Wijaya, Tintamas, Pustaka Antara, Gapura, Bulan Bintang dan penerbit Panji Masyarakat. Di Malaysia antara lain diterbitkan oleh Pustaka Dini Shah Alam. Manakala di Singapura oleh penerbit Pustaka Nasional.

Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah berupaya pula memperkenalkan pemikiran Hamka dalam program Jejak Ulama dalam bentuk seminar. Adapun tujuan utama Jejak Ulama ini untuk menghayati perjuangan ulama sezaman untuk dijadikan sumber inspirasi kepada generasi Muda menghadapi tentangan zamannya. Menurut Ahmad Azam Abdul Rahman bahawa Hamka bukanlah orang luar bagi umat Islam Malaysia. Beliau dianggap sebagai salah seorang ulama Malaysia. Hal ini kerana perjuangannya mencakupi isu-isu Melayu-Islam. Bahkan ada sekolah menengah di Malaysia menggunakan beberapa buku novel Hamka sebagai buku teks bacaan wajib.<sup>61</sup>

Oleh yang demikian, Hamka juga memposisikan dirinya sebagai ulama kawasan serantau. Hal itu dapat difahamkan dari syair beliau:

Bangun kekasihku umat Melayu  
Belahan asal satu turunan  
Bercampur darah dari dahulu  
Persamaan nasib jadi kenangan  
Semangat yang lemah buanglah jauh  
Jiwa yang kecil segera besarkan  
Yakin percaya iman pun teguh  
Zaman hadapan penuh harapan

<sup>59</sup> Syafi'i Ma'arif (1995). *Peta Bumi Intelektual Muslim di Indonesia*. Bandung: Mizan. m.s. 12.

<sup>60</sup> Fadhlullah b. Jamil, "Tajdid dan Islam Mengikuti Pemikiran Hamka, Kertas Kerja pada Seminar Pemikiran hamka Ke-2, tarikh 28 Julai 2001 di Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia.

<sup>61</sup> Lihat, Ahmad Azam Abdul Rahman, *Hamka: Ulama Tersohor Di Alam Melayu*, Kertas Kerja yang Dibentangkan dalam Seminar Pemikiran Hamka Pada 28 April 2001 di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

## Penutup

Hamka merupakan pribadi unik, hanya dengan pendidikan sekolah rendah dan Diniyah di kampung kelahirannya di Sumatera Barat telah menjadi seorang tokoh antarabangsa. Ketokohnya dikenali dari pemikiran dan perjuangannya yang selaku istiqamah dan satu kata dengan perbuatan. Dengan bermodalkan mesin ketik (bukan laptop), beliau telah melahirkan karya tulis sebanyak 118 buah dan saat ini telah dicetak berulang-ulang oleh penerbit di Indonesia, Malaysia dan Singapura. Hampir semua karya tulis mengandungi konsep dan pemikiran dakwah, iaitu sebuah keupayaan yang sungguh-sungguh untuk mengubah umat supaya berada pada jalan Allah s.w.t.

## Bibliografi

- 'Abd al-Aziz, Jumu'at Amin (1997). *Fiqh Dakwah*. Solo: Intermedia.
- Abdul Munir Mul Khan, *Ideologi Gerakan Dakwah*, Yogyakarta: Sippres
- Departemen Agama RI (2003). *Himpunan Fatwa Majelis Ulama Indonesia*. Jakarta: Bagian Proyek Sarana dan Prasarana produk Halal Direktorat Jenderal Bimbingan Masyarakat Islam dan Penyelenggaraan Haji
- HAMKA (1984). *Prinsip dan Kebijakan Dakwah Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- HAMKA (1986). *Sejarah Umat Islam*. Jil. Pertama, Cet. VII. Jakarta: Bulan Bintang.
- HAMKA (2002) *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Cet. Kedua. Shah Alam: Pustaka Dini.
- HAMKA (2002). *Hal Asasi Manusia Dalam Islam dan Deklarasi PBB*. Shah Alam: Pustaka Dini.
- HAMKA (2004). *Merantau Ke Deli*. Cet. Kedua. Shah Alam: Pustaka Dini.
- HAMKA, (2004). *Pelajaran Agama Islam*., Shah Alam: Pustaka Dini
- HAMKA. (2005). *Tafsir al-Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional.
- HAMKA (2006). *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Cet. Ketiga. Jakarta: Bulan Bintang.
- HAMKA (2006). *Islam dan Adat Minangkabau*. Cet. Pertama. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Harun Nasution (1992). *Ensiklopedi Islam Indonesia*. Jakarta: Jembatan.
- Harun Nasution (1995). *Islam Rasional*. Bandung: Mizan
- Koenntjaraningrat (2004). *Manusia dan Kebudayaan di Indonesia*. Cet. Keduapuluh satu. Jakarta: Djembatan.
- Lindawati (2006). *Alam Dalam Persepsi Masyarakat Minangkabau*. Padang: Andalas University Press
- M. Amien Rais (1991). *Cakrawala Islam*. Bandung: Mizan
- M. Quraish Shihab, *Tafsir al-Misbah*, Jakarta: Lintera
- Nasir Tamara (1984). *HAMKA di Mata Hati Umat*. Cet. Kedua. Jakarta: Sinar Harapan.
- Nurcholish Madjid (1998). *Dialog Keterbukaan*. Jakarta: Paramadina
- Noni Sukmawati (2006). *Ratapan Perempuan Minangkabau Dalam Pertunjukan Bagurau*. Padang: Andalas University Press
- Rusjdi HAMKA (1989). *Islam dan Era Informasi*. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Rusjdi HAMKA (2002). *Hamka Pujangga Islam*. Cet. Pertama. Shah Alam: Pustaka Dini.
- Solichin Salam et-al (1983). *Kenang-Kenangan 70 Tahun Buya HAMKA*. Cet. Kedua. Jakarta: Pustaka Panjimas.
- Syafi'i Ma'arif (1995). *Peta Bumi Intelektual Muslim di Indonesia*. Bandung: Mizan
- Yusuf al-Qaradawi (1983). *Kritik dan Saran Untuk Para Da'i*. Jakarta: Media Dakwah.